



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**
(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI JUMAAT, 24 REJAB 1443 / 25 FEBRUARI 2022
(HARI KEDUA)**

1. Doa Selamat.

2. PERKARA IV - KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI ATAS MEJA:

- 2.1. Kertas No. 1 Tahun 2022 yang bertajuk "***Senarai Perintah-Perintah Darurat Yang Telah Diluluskan dalam tahun 2021 Menurut Fasal 83 Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam***" oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
- 2.2. Kertas No. 2 Tahun 2022 yang bertajuk "***Anggaran Hasil Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2022/2023***" oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Dan Ekonomi Kedua.

3. PERKARA V - USUL-USUL YANG DIBERI NOTIS:

- 3.1. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah mencadangkan satu usul untuk menyembahyang sepenuh-penuhnya menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

- 3.2. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- 3.3. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah membukakan bagi Usul Menjunjung Kasih tersebut untuk dibahaskan. Beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyokong usul yang dikemukakan dan telah ikut serta dalam membahaskan usul tersebut seperti berikut:
- i. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari;
 - ii. Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan (*secara dalam talian*);
 - iii. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad;
 - iv. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman;
 - v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim;
 - vi. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin;
 - vii. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad;
 - viii. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis;
 - ix. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari;

- x. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin;
 - xi. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii;
 - xii. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu;
 - xiii. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman@Othman;
 - xiv. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit;
 - xv. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung;
 - xvi. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon (*secara dalam talian*);
 - xvii. Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- 3.4. Beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan Baginda bercemar duli dan menjunjung tinggi akan titah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Rancangan Kemajuan Negara Ke-Dua Belas (RKN-12), dan juga sumbangan bantuan yang telah diberikan kepada perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara juga menjunjung tinggi titah Baginda mengenai dengan amanah dalam menggunakan belanjawan Negara agar dapat dilaksanakan dan dikukuhkan lagi dikalangan sektor perkhidmatan awam secara berhemah dan berdisiplin.
- 3.5. Selain daripada itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas titah Baginda berkaitan dengan jaminan makan (*food security*), peningkatan pelaburan asing, dan juga peningkatan sara diri dalam sektor pertanian serta peluang Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk menyuarakan pendapat tanpa had. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga mengucapkan rasa syukur di atas usaha-usaha pihak Kerajaan dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.
- 3.6. Mesyuarat juga mendengar beberapa cadangan dan saranan yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk dipertimbangkan bersama. Diantaranya ialah mengenai dengan aset bangunan kepunyaan Kerajaan yang terbiar dan tidak digunakan lagi, juga, memperbaiki dan mempertingkatkan industri pekerja serta mengemaskini dasar-dasar dan urus tadbir yang *outdated* dengan mengikut keadaan semasa. Sebagai

tambahan, beberapa orang Ahli juga menyuarakan mengenai dengan cadangan untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi di dalam bidang agroteknologi dan juga memperkenalkan sebuah program atau cadangan permulaan untuk mengembangkan *agribusiness* (perniagaan tani).

- 3.7. Setelah mendengar 17 orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara membahaskan usul tersebut, majlis telah sebulat suara bersetuju untuk meluluskan usul yang diberi notis yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
-

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA SABTU, 26 FEBRUARI 2022 JAM 9.30 PAGI]
